



**SIARAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN BIMP-EAGA (SOM) /  
MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK (SPM)  
MESYUARAT VIRTUAL**

---

**Bandar Seri Begawan, Khamis, 9 Ramadhan 1442/ 22 April 2021**

1. Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan BIMP-EAGA (SOM)/ Mesyuarat 2021 Perancangan Strategik telah diadakan pada hari Khamis, 22hb April 2021, melalui persidangan video. Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Ahmad Zamri bin Khairuddin, Pengarah Bahagian Perkembangan Serantau, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
2. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan dan Pengerusi-Pengerusi Kluster dari negara-negara ahli BIMP-EAGA, BIMP-EAGA Facilitation Centre, Asian Development Bank dan Pengerusi Kouncil Perniagaan BIMP-EAGA (*BIMP-EAGA Business Council*). Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Yang Mulia Puan Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
3. Mesyuarat kali ini telah mengambilmaklum penerangan yang disampaikan oleh Pengerusi-Pengerusi daripada lapan (8) Kluster BIMP-EAGA iaitu Pengangkutan, Pemudahcara Perdagangan & Pelaburan, Infrastruktur Kuasa Elektrik dan Tenaga, Agribisnes, Pelancongan, Persekitaran dan Sosio-Kebudayaan & Pendidikan. Negara Brunei Darussalam mengetuai 3 daripada Kluster berkenaan iaitu Pelancongan, Infrastruktur Kuasa Elektrik dan Tenaga dan Sosio-Kebudayaan & Pendidikan.
4. Mesyuarat telah melaporkan perkembangan mengenai kemajuan yang dicapai termasuk pelan pelaksanaan bagi tahun 2021, senarai projek-projek 2020-2022 [*Rolling Pipelines of Projects (RPOPs)*], projek *Convergence* dan Projek-Projek Keutamaan Infrastruktur (PIPs). Persediaan bagi *Mid-Term Review (MTR)* bagi Visi BIMP-EAGA 2025 juga telah dimulakan pada mana Kluster & Kumpulan Kerja telah mengenalpasti penilaian sasaran dan analisis SWOT. Laporan MTR dijangka akan dikongsikan pada Mesyuarat Menteri-Menteri BIMP-EAGA pada tahun ini.



5. Mesyuarat juga memberikan beberapa panduan dan saranan antaranya untuk memanfaatkan teknologi digital dalam melaksanakan projek dan inisiatif BIMP-EAGA dalam situasi norma baharu, mempertimbangkan teknologi hijau dan *renewable energy*, memaksimumkan peluang-peluang pelaburan didalam sektor agribisnes khususnya mengukuhkan rantai nilai dan mempromosikan sektor pelancongan, menyokong inisiatif Bandar Hijau dan perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana kecil dan sederhana (SMEs).
6. Mesyuarat juga membincangkan tindakan lanjut berhubung dengan kerjasama bersama Rakan Pembangunan BIMP-EAGA khususnya Northern Territory, China, Korea dan Japan.
7. Mesyuarat juga bersetuju untuk mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri BIMP-EAGA kali ke-24 dan Mesyuarat Berkaitan yang akan dipengerusikan oleh Republik Filipina dan seterusnya Sidang Kemuncak BIMP-EAGAkali ke-14 pada tahun ini yang akan dipengerusikan oleh Indonesia.

-----